

09/03/1997

Dr M, Mandela lancar MSABC

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, melancarkan penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Afrika Selatan (MSABC) di sini, semalam.

MSABC yang bermatlamat mengukuhkan kerjasama perniagaan antara usahawan kedua-dua negara, dilancarkan bersama kedua-dua pemimpin berkenaan dalam majlis jamuan tengah hari anjuran Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM).

Majlis itu diadakan sempena Forum Malaysia-Afrika Selatan Kedua selama sehari yang dirasmikan Mandela.

Lebih 600 usahawan kedua-dua negara hadir dalam forum itu yang dianjurkan bersama Kedutaan Afrika Selatan di sini, Institut Kepemimpinan dan Strategik Asia (Asli), Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (Massa), MSABC dan NCCIM.

Dalam ucapannya, Mandela berkata, penubuhan MSABC menunjukkan keyakinan dan minat usahawan kedua-dua negara untuk meraih peluang perniagaan demi kepentingan bersama.

Beliau memberi jaminan Afrika Selatan mempunyai kestabilan politik dan program penyusunan semula yang mantap dan sesuai bagi pelaburan asing.

"Usahawan Malaysia juga akan mendapati kami mempunyai minat yang tinggi untuk mengurus niaga dengan mereka," katanya.

(END)